

**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK**  
**Program Pembiayaan SME BizVantage**



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK (LMP)**

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk memohon Program Pembiayaan SME BizVantage (SME BizVantage). Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan dari pihak Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau syarat-syarat am.

**BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**

[Registration No. 198301002944 (98127-X)]

**Program Pembiayaan SME BizVantage  
(SME BizVantage)**

**Tarikh : 1 Mei 2025**

**1. APAKAH PROGRAMINI?**

- Program Pembiayaan SME BizVantage (SME BizVantage) adalah pembiayaan yang direka untuk perniagaan Pemilikan Tunggal dan Perkongsian, yang memenuhi keperluan modal kerja (WCR) dan/atau keperluan perbelanjaan modal (CAPEX) mereka. Program pembiayaan ini membolehkan pelanggan memohon salah satu daripada tiga jenis kemudahan yang ditawarkan iaitu Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i), Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i) dan Jaminan Bank-i (BG-i). Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada ciri-ciri produk dan terma serta syarat utama yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Produk (LMP) yang berkaitan dan laman web Bank.
- Program ini ditawarkan pada kadar terapung di mana pembayaran bulanan akan berubah dari semasa ke semasa berdasarkan perubahan pada kadar pembiayaan asas Bank dan jumlah ansuran tidak melebihi Harga Jualan Bank, dan program ini hanya disasarkan khas untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan memenuhi kriteria kelayakan berikut:
  - a) Pemilikan Tunggal atau Perkongsian yang didaftarkan secara sah di Malaysia.
  - b) Dimiliki oleh rakyat Malaysia dengan sekurang-kurangnya 51% pegangan saham oleh rakyat Malaysia.
  - c) Perniagaan mesti mempunyai sejarah operasi yang terbukti sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

Program ini ditawarkan berdasarkan perolehan tahunan Pelanggan untuk dua (2) tahun yang lepas seperti dua kategori dibawah:

- Pilihan A: antara RM300,000 hingga RM2.99 juta.
- Pilihan B: minimum RM3 juta

**2. APAKAH KONSEP SHARIAH YANG DIGUNAKAN?**

- **Terdapat tiga jenis kemudahan yang ditawarkan di bawah PKS BizVantage:-**
  - Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)
  - Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)
  - Jaminan Bank-i (BG-i)

**▪ Untuk BCL-i dan BF-i**

*Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta.



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK**  
**Program Pembiayaan SME BizVantage**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

**Konsep Tawarruq dijelaskan dengan lebih lanjut seperti dibawah:-**

Pelanggan membeli komoditi daripada Bank berdasarkan kontrak Murabahah pada Harga Jualan Bank. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan. Sebagai Ejen Jualan untuk pelanggan, pihak Bank bertanggungjawab untuk menjual komoditi kepada pembeli komoditi pada harga kos. Hasil daripada urus niaga itu akan diberikan untuk kegunaan pelanggan. Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang perlu dibayar daripada transaksi Murabahah mengikut terma-terma yang dipersetujui.

"Komoditi" bermaksud apa-apa komoditi yang diterima oleh Bank contohnya minyak kelapa sawit, resin plastik, getah, biji koko, kacang soya, kayu balak dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang diurusniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank. Pembelian dan penjualan komoditi tersebut dibuat berdasarkan mandat yang diberikan oleh pihak pelanggan, di mana Bank sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Penjualan berurus niaga menggunakan komoditi yang sedia ada dan dibekalkan oleh pembekal komoditi tertakluk kepada polisi-polisi Bank yang terpakai.

**Struktur produk untuk BCL-i adalah seperti berikut:**

No	Penerangan
1	Pelanggan memperoleh pembiayaan daripada Bank dan menandatangi dokumen transaksi Tawarruq.
2	Bank membeli komoditi dari Pembekal Komoditi.
3	Bank menjual komoditi kepada pelanggan secara Murabahah pada harga jualan. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan.
4	Bank bertindak sebagai Ejen Jualan untuk pelanggan, menjual komoditi kepada Pembeli Komoditi dengan harga kos.
5	Bank mengkreditkan hasil penjualan Komoditi ke dalam Akaun Marginal untuk kegunaan Pelanggan.
6	Pelanggan menggunakan dana yang telah ditempatkan dalam Akaun Marginal bila perlu melalui Akaun Semasa yang telah ditetapkan.
7	Pelanggan menjelaskan jumlah yang perlu dibayar kepada Bank (hasil penjualan Murabahah) mengikut syarat pembayaran yang telah dipersetujui.

**▪ Struktur produk untuk BF-i adalah seperti berikut:**

No	Penerangan
1	Pelanggan memperoleh pembiayaan daripada Bank dan menandatangi dokumen transaksi Tawarruq.
2	Bank membeli komoditi dari Pembekal Komoditi.
3	Bank menjual komoditi kepada pelanggan secara Murabahah pada harga jualan. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan.
4	Bank bertindak sebagai Ejen Jualan bagi pihak pelanggan menjual komoditi kepada Pembeli Komoditi dengan harga kos.
5	Bank mengkreditkan hasil penjualan komoditi tersebut ke akaun Pelanggan.
6	Pelanggan menjelaskan jumlah yang perlu dibayar kepada Bank (hasil penjualan Murabahah) mengikut syarat pembayaran yang telah dipersetujui.



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
**Program Pembiayaan SME BizVantage**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

▪ **Untuk BG-i**

Kontrak Syariah yang digunakan adalah Kafalah (Jaminan) dengan Ujrah (Fi), iaitu kontrak di mana Bank (penjamin) menjamin sebarang tuntutan, hutang atau kewajipan yang harus ditunaikan oleh penghutang, pembekal atau kontraktor dan akan mengenakan fi untuk pengeluaran BG-i tersebut.

▪ **Struktur produk BG-i adalah seperti berikut:**

No	Penerangan
1	Pelanggan memohon kepada Bank untuk mengeluarkan BG-i.
2	Bank bertindak sebagai penjamin yang mengeluarkan BG-i kepada penerima manfaat seperti yang diminta oleh pelanggan dan membayar yuran jaminan..
3	Benefisiari menuntut dari Bank amaun jaminan seperti yang dinyatakan di dalam BG-i apabila pelanggan tidak mematuhi kontrak.
4	Bank membayar amaun jaminan yang dituntut kepada benefisiari.
5	Pelanggan membayar amaun jaminan yang dituntut kepada pihak Bank.

**3. APA YANG KAMI PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?**

No.	Ciri-Ciri	Butiran
1.	Amaun Pembiayaan	<p><b>Pilihan A:</b>            Minimum : RM100,000            Maksimum : RM250,000 untuk pelanggan Baru Bank (NTB)            RM500,000 untuk pelanggan Sedia Ada Bank (ETB)</p> <p><b>Pilihan B:</b>            Minimum : RM100,000            Maksimum : RM500,000 untuk pelanggan Baru Bank (NTB)            RM1 juta untuk pelanggan Sedia Ada Bank (ETB)</p> <p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pelanggan Baru Bank (NTB) merujuk kepada pelanggan tanpa sebarang hubungan sedia ada dengan Bank Islam iaitu Akaun Semasa Perniagaan-i, Akaun Pelaburan iGain, Terminal Saudagar, Kad Kredit Perniagaan, dsb.</li> <li>ii) Pelanggan Sedia Ada Bank (ETB) merujuk kepada pelanggan Bank Islam sedia ada dengan sebarang kemudahan dengan Bank Islam iaitu Akaun Semasa Perniagaan-i, Akaun Pelaburan iGain, Terminal Saudagar, Kad Kredit Perniagaan, dsb.</li> </ul>
2.	Tujuan Pembiayaan	<p><b>Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)</b>            Perbelanjaan Modal (CAPEX)</p> <p><b>Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)</b>            Modal Kerja</p> <p><b>Jaminan Bank-i (BG-i)</b>            BG-i : Untuk pengeluaran Jaminan BG-i Kewangan / Jaminan BG-i Bukan Kewangan</p>



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
**Program Pembiayaan SME BizVantage**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

		<p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembiayaan bagi <i>Business Reducing Term Takaful (BRTT)</i>, <i>Business Level term Takaful (BLTT)</i> Yuran Agensi, Yuran Jaminan, Duti Setem, dan Yuran Peguam Cara (berkenaan dengan Perjanjian Kemudahan) boleh dibiayai oleh Bank dibawah kemudahan tersebut.</li> <li>ii. Pembiayaan BRTT, BLTT, Yuran Agensi, Yuran Jaminan, Duti Setem, dan Yuran Peguam dihadkan pada 5% daripada jumlah pembiayaan.</li> <li>iii. Jika pembiayaan dan yuran di atas tidak dibiayai dibawah kemudahan tersebut, yuran dan caj berkaitan perlu dibayar oleh pelanggan sebelum pengeluaran.</li> </ul>														
3.	Sektor	<p>Terpakai kepada semua sektor, kecuali sektor berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pembinaan;</li> <li>ii) Perniagaan lain yang berasaskan kontrak; dan</li> <li>iii) Semua sektor termasuk dalam Senarai Sektor Pengelakan Perbankan PKS untuk Permohonan Pembiayaan PKS</li> </ul>														
4.	Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sehingga 100% untuk Keperluan Modal Kerja (WCR)</li> <li>▪ Sehingga 80% untuk CAPEX</li> </ul> <p><b>Nota:</b> CAPEX untuk peralatan/kenderaan baharu sahaja</p>														
5.	Kadar Pembiayaan	<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2"><b>Jenis Pembiayaan</b></th> <th colspan="2"><b>KadarPembiayaan</b></th> </tr> <tr> <th><b>Pilihan A</b></th> <th><b>Pilihan B</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)</td><td>Minimum : KPA + 3.00% setahun Maksimum : KPA + 3.50% setahun</td><td>Minimum: KPA + 2.00% setahun Maksimum : KPA + 2.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)</td><td>Minimum : KPA + 3.50% setahun Maksimum : KPA + 4.00% setahun</td><td>Minimum : KPA + 2.50% setahun Maksimum : KPA + 3.00% setahun</td></tr> <tr> <td>Jaminan Bank-i (BG-i)</td><td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jaminan Bukan Kewangan = 0.6% - 2.0% setahun dengan minimum RM50.00</li> <li>• Jaminan Kewangan = 0.75%-2.25% setahun dengan minimum RM50.00</li> </ul> </td><td></td></tr> </tbody> </table>	<b>Jenis Pembiayaan</b>	<b>KadarPembiayaan</b>		<b>Pilihan A</b>	<b>Pilihan B</b>	Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)	Minimum : KPA + 3.00% setahun Maksimum : KPA + 3.50% setahun	Minimum: KPA + 2.00% setahun Maksimum : KPA + 2.50% setahun	Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)	Minimum : KPA + 3.50% setahun Maksimum : KPA + 4.00% setahun	Minimum : KPA + 2.50% setahun Maksimum : KPA + 3.00% setahun	Jaminan Bank-i (BG-i)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jaminan Bukan Kewangan = 0.6% - 2.0% setahun dengan minimum RM50.00</li> <li>• Jaminan Kewangan = 0.75%-2.25% setahun dengan minimum RM50.00</li> </ul>	
<b>Jenis Pembiayaan</b>	<b>KadarPembiayaan</b>															
	<b>Pilihan A</b>	<b>Pilihan B</b>														
Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)	Minimum : KPA + 3.00% setahun Maksimum : KPA + 3.50% setahun	Minimum: KPA + 2.00% setahun Maksimum : KPA + 2.50% setahun														
Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i)	Minimum : KPA + 3.50% setahun Maksimum : KPA + 4.00% setahun	Minimum : KPA + 2.50% setahun Maksimum : KPA + 3.00% setahun														
Jaminan Bank-i (BG-i)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jaminan Bukan Kewangan = 0.6% - 2.0% setahun dengan minimum RM50.00</li> <li>• Jaminan Kewangan = 0.75%-2.25% setahun dengan minimum RM50.00</li> </ul>															
6.	Tempoh Pembiayaan	<p><b>Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Minimum: 1 tahun</li> <li>▪ Maksimum: Sehingga 5 tahun</li> </ul> <p><b>Aliran Tunai Perniagaan-i (BCL-i) :</b></p> <p>NTB : 12 bulan perkhidmatan keuntungan sahaja. Semakan tahunan akan tertakluk kepada pembayaran keuntungan segera selama 12 bulan.</p> <p>ETB : 1 tahun tertakluk kepada semakan tahunan</p>														



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
**Program Pembiayaan SME BizVantage**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

	<b>Jaminan Bank-i (BG-i)</b> Sehingga 12 bulan atau mana-mana tempoh lain yang boleh diterima oleh Bank mengikut tempoh kontrak.
<b>Contoh pengiraan adalah seperti di bawah:</b> <b>Senario BF-i:</b>  Amaun Pembiayaan : RM250,000 Kadar Keuntungan Kontrak : 15% Kadar Keuntungan Efektif : 10.22% setahun* (KPA+ Spread) Tempoh : 5 tahun Harga Jualan Bank : RM356,848	Contoh pengiraan adalah seperti yang dibawah: <b>Senario BCL-i:</b>  Amaun Pembiayaan : RM250,000 Kadar Keuntungan Kontrak : 15% Kadar Keuntungan Efektif : 10.72% setahun* (KPA + Spread) Tempoh : 1 tahunn Harga Jualan Bank : RM264,753.36

**\*Kadar Pembiayaan Asas (KPA) diandaikan pada 6.72% setahun manakala spread pada 3.5% setahun (BF-i) dan 4.00% setahun (BCL-i). [KPA (setakat 5 Mei 2023) ialah 6.72%. Sila rujuk laman web Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) untuk BFR terkini.]**

**Nota:** Contoh di atas hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menunjukkan obligasi pembiayaan sebenar.

#### 4. APAKAH TANGGUNGJAWAB KAMI?

##### Pembiayaan Perniagaan-i (BF-i)

- Anda perlu membayar kemudahan secara ansuran (sama ada secara bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan) sebagaimana yang diluluskan oleh pihak Bank.

Contoh BF-i (berdasarkan soalan 3 di atas)

- Ansuran bulanan anda ialah RM 5,338.86 (dengan andaian bahawa KPA tidak berubah)
- Jumlah keseluruan pembayaran pada akhir tahun ke 5 ialah RM 320,331.60

Jika berkenaan, Ibra' (rebate) akan diberikan kepada pelanggan jika terdapat perbezaan antara Kadar Keuntungan Kontrak (CPR) dan Kadar Keuntungan Efektif Bank.

\*\*Nota: Ansuran bulanan dan jumlah keseluruhan pembayaran akan berubah seiranya berubah sekiranya KPA berubah.

Sebagai contoh:

Kadar Keuntungan	Kadar sekarang (KPA = 3.5% setahun)	Sekiranya KPA meningkat sebanyak 1%	Sekiranya KPA meningkat sebanyak 2%
<b>Ansuran Bulanan</b>	RM5,338.86	RM 5,463.07	RM5,588.95
<b>Jumlah kos keuntungan pada akhir tahun ke 5</b>	RM 70,331.60	RM 77,784.20	RM 85,337
<b>Jumlah amaun pembayaran pada akhir tahun ke 5</b>	RM 320,331.60	RM 327,784.20	RM335.337



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
Program Pembiayaan SME BizVantage**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

**BCL-i**

1. Secara bulanan, anda dikehendaki membayar Keuntungan Bank berdasarkan jumlah penggunaan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif Bank semasa, yang tidak akan melebihi Kadar Keuntungan Kontrak (CPR).
2. Jumlah perbezaan antara jumlah Harga Jualan Bank dan jumlah sebenar yang dikenakan kepada Pelanggan (berdasarkan Kadar Efektif) akan dianggap sebagai Ibra' (rebat).
3. Apabila kemudahan tersebut matang, Pelanggan dikehendaki membuat penyelesaian penuh bagi bayaran keuntungan tertunggak dan prinsipal bagi Harga Jualan Bank.

**Jaminan Bank-i (BG-i)**

Apabila Bank menerima tuntutan daripada Benefisiari atas Jaminan Bank tersebut, anda perlu menyediakan dana kepada Bank untuk membayar jumlah tuntutan tersebut dengan segera.

**5. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG KAMI PERLU BAYAR?**

<b>Jenis Fi</b>	<b>Keterangan</b>
Duti setem	Seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989]
Yuran Guaman seperti yang dikenakan oleh peguam cara (Sekiranya berkennaan)	Yuran guaman dan pengeluaran termasuk fi kepada firma guaman untuk penyediaan dokumentasi pembiayaan, pendaftaran gadaian, carian pejabat tanah dan carian kebankrapan (di mana berkennaan)
Fi Agensi Tawarruq	RM50.00 bagi setiap urus niaga Tawarruq
Fi Sumbangan Takaful yang dikenakan oleh pengendali / syarikat Takaful (Sekiranya berkennaan)	Mengikut amanu sumbangan yang diperlukan oleh pengendali/syarikat Takaful untuk menampung keseluruhan jumlah pembiayaan tertunggak sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal menyeluruh (TPD) pelanggan.
Fi jaminan yang dikenakan oleh CGC	0.75% to 4.00% setahun
Sekiranya pembatalan Surat Jaminan (LG) diminta oleh Pelanggan	Penyambungan semula Surat Jaminan (LG) yang ditamatkan – RM100.00
Pembatalan kemudahan yang diberikan	Anda perlu membuat bayaran kos kepada Bank (jika ada) untuk penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti yang telah ditanggung oleh Bank berkennaan dengan kemudahan termasuk sebarang perbelanjaan semasa proses tuntutan sekiranya kemudahan dibatalkan.

**6. APAKAH YANG AKAN BERLAKU JIKA KAMI GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB KAMI?**

Jika anda gagal memenuhi tanggungjawab anda tepat pada masanya, perkara berikut akan terpakai:-

▪ **Berlaku kemungkinan**

- a) Bank boleh melalui notis bertulis kepada anda, menuntut pembayaran segera jumlah tertunggak daripada anda dan/atau penjamin (jika ada);
- b) Bank berhak untuk mengambil deposit anda atau akaun lain yang diuruskan oleh Bank untuk menyelesaikan bayaran tertunggak di bawah kemudahan yang diberikan oleh Bank;



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
**Program Pembiayaan SME BizVantage**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

- c) Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda gagal bertindak di atas peringatan dan / atau notis tuntutan. Bank akan menggunakan haknya atas sebarang aset yang telah dicagarkan kepada pihak Bank dan anda akan menanggung segala kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang ketidakcukupan. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penilaian kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit masa depan menjadi lebih sukar atau mahal bagi anda; dan
- d) Kemungkinan bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank mungkin tercusus.

▪ **Pembayaran Lewat**

Bank akan mengenakan *Ta'widh* (Ganti rugi) ke atas anda seperti berikut: -

**a) Sebelum tarikh matang kemudahan**

Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas tunggakan ansuran hingga tarikh penyelesaian penuh;

**b) Selepas tarikh matang kemudahan**

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalam hari Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam, dikira ke atas baki kemudahan iaitu baki Harga Jualan setelah ditolak *Ibra'* (rebate) (jika ada).

**c) Hutang selepas penghakiman**

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalam hari Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman hingga tarikh penyelesaian penuh.

**Nota:** Pengenaan *Ta'widh* adalah mengikut tatacara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dari semasa ke semasa.

**7. BAGAIMANA SEKIRANYA KAMI MENYELESAIKAN SEPENUHNYA BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TARIKH MATANG?**

- Rebate (*Ibra'*) akan diberikan kepada anda jika penyelesaian awal atau penebusan awal kemudahan pembiayaan tersebut dibuat.

**Formula Rebate (*Ibra'*):**

***Ibra'* / Rebate bagi penyelesaian awal pembiayaan = Keuntungan Tertangguh.**

**Nota:**

- i. Keuntungan Tertangguh = Jumlah Keuntungan Kontrak – Keuntungan Terakru.
- ii. Jumlah Keuntungan Kontrak = Harga Jualan – Harga Belian (atau Amaun Pembiayaan)
- iii. Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ke atas baki Harga Belian (atau Amaun Pembiayaan) yang telah dikeluarkan/ digunakan.
- iv. Bank tidak mengenakan tempoh terikat (*lock-in*) untuk pembiayaan ini dan tiada fi yang dikenakan bagi penyelesaian awal pembiayaan sebelum tarikh matang.

**8. ADAKAH KAMI MEMERLUKAN PERLINDUNGAN TAKAFUL?**

Perlindungan Takaful tidak diwajibkan. Namun begitu, anda atau pembekal anda dinasihatkan untuk melanggar perlindungan Takaful yang sesuai.

**9. ADAKAH KAMI MEMERLUKAN PENJAMIN ATAU CAGARAN?**

Cagaran yang diperlukan untuk program ini adalah seperti berikut:

- i) Antara 30% dan 80% daripada jumlah pembiayaan dengan gandaan 5%, atau sehingga RM5 juta, yang mana lebih rendah, dijamin oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) di bawah BizJamin-i 2.0



**LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK**  
**Program Pembiayaan SME BizVantage**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

- ii) Perkongsian (wajib)
  - a) Surat Indemniti / Akuan (mana-mana yang berkenaan);
  - b) Jaminan Peribadi oleh rakan kongsi untuk Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) sahaja

## 10. APAKAH RISIKO UTAMA KAMI?

Untuk BF-i dan BCL-i, risiko utama adalah Kadar keuntungan Efektif Bank yang ditawarkan mungkin berubah-ubah semasa tempoh pembiayaan bagi kemudahan yang berdasarkan kadar boleh ubah. Peningkatan Kadar Pembiayaan Asas boleh mengakibatkan bayaran bulanan yang lebih tinggi. Namun, Kadar Keuntungan Efektif Bank tidak boleh melebihi Kadar Keuntungan Kontrak.

Untuk BG-i, setelah menerima tuntutan daripada beneficiari apabila anda gagal melaksanakan kewajipan anda kepada mereka, Bank akan terus membayar tuntutan tersebut dengan mendebitkan akaun anda dan/ atau mencairkan cagaran anda.

## 11. APA YANG PERLU KAMI LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI KAMI?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank dengan kadar segera mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menjurat tepat pada masanya.

## 12. DI MANAKAH KAMI BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN ATAU PENYELESAIAN?

- Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk berbincang berkenaan dengan pilihan-pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

### **Perbankan PKS**

#### **Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 29, Menara Bank Islam  
 No 22, Jalan Perak,  
 50450 Kuala Lumpur  
 E-mel: [sme-assist@bankislam.com.my](mailto:sme-assist@bankislam.com.my)

- Untuk membuat aduan berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

### **Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**

#### **Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam  
 No 22, Jalan Perak,  
 50450 Kuala Lumpur  
 Tel.: 03-26 900 900  
 E-mel: [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan secara percuma perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran hutang untuk PKS. Anda boleh menghubungi AKPK di:

### **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

Tingkat 5 dan 6,  
 Menara Bumiputra Commerce  
 Jalan Raja Laut,  
 50350 Kuala Lumpur.  
 Tel.: 603 -2616 7766

CONFIDENTIAL



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK  
**Program Pembiayaan SME BizVantage**



Amanah Terjamin. Nilai Terhasil.

Faks: 603-2616 7601

Laman web: <https://www.akpk.org.my/ms>

- Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami terhadap soalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

**Block D, Bank Negara Malaysia,**

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel.: 1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515

E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**13. DI MANAKAH KAMI BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?**

- Sebarang maklumat lanjut mengenai programi ni, sila rujuk cawangan-cawangan kami atau menghubungi:

**Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam,

No. 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur.

Tel.: 03-26 900 900

E-mel: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my)

Laman Web: [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

CONFIDENTIAL

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah setakat 1 Mei 2025

**Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan**

.....  
**Nama:**

**No. Kad Pengenalan:**

**Tarikh:**

